

# PM manfaat lawatan ke Australia desak tamat perang Israel-Palestin



Pengerusi  
Biro Politik dan  
Kepimpinan Majlis  
Perundangan  
Melayu (MPM)

**Oleh Datuk Shahbudin Embun**  
bhrencana@bh.com.my

**Selagi** kekejaman dan penindasan berlaku di Palestin oleh rejim kejam Israel, selagi itulah masyarakat dunia akan terus berteriak, membantah dan menggesa gencatan senjata terus dikuatkuasakan.

Sebagaimana diketahui, draf resolusi disokong lebih 100 negara ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menemui kegagalan apabila Amerika Syarikat (AS) menggunakan kuasa veto untuk membatalkan resolusi berkenaan.

Dalam hal ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sejak awal konflik ini berlaku sudah mengecam kekejaman rejim Israel. Beliau bersama seluruh rakyat Malaysia kekal dengan sikap AS masih mempertahankan tindakan Israel bermaharajalela dan membunuh rakyat Palestin.

Ketika berlangsung sesi pemukiman Sidang Kemuncak ASEAN-Australia minggu ini, Anwar mengingatkan pemimpin ASEAN dan Australia bahawa semua negara anggota ASEAN serta Australia mengundi menyokong resolusi Perhimpunan Agung Tahunan PBB pada Disember 2023 menuntut gencatan senjata.

Anwar yang mewakili suara Malaysia, sejak da-

hulu secara konsisten dan tegas menyokong perjuangan Palestin. Bukan itu sahaja, beliau juga tidak lelah minta menyergerak bantuan kemanusiaan dihantar kepada penduduk Gaza.

Apa yang pasti, Anwar terus mengotakan janji untuk mengetuai inisiatif antarabangsa khasnya pada peringkat serantau dan antarabangsa bagi mengatasi konflik ini.

Kelantangan Malaysia menjuarai isu ini dengan menggesa negara lain menyokong menamatkan kekejaman Israel antara agenda utama negara di bawah pimpinan Anwar.

Usaha ini perlu dipuji kerana apa yang dilaungkan Malaysia tanpa henti dalam menyatakan solidariti dengan rakyat Palestin, sekurang-kurangnya dapat terus menarik perhatian masyarakat dunia supaya sama-sama membantu menyelesaikan konflik ini.

Jika kita masih ingat, pada Sidang Kemuncak Tergempar Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) di Riyadh tahun lalu, Anwar menggesa negara anggota supaya mendesak pelaksanaan gencatan senjata serta-merta, manakala bantuan kemanusiaan kepada penduduk Gaza dipercepatkan.

Pada Perhimpunan Agung PBB di New York, Anwar mengetengahkan hipokrasi Barat dalam menangani isu Palestin, khasnya kepada negara

yang kononnya memperjuangkan demokrasi dan hak asasi manusia.

Soal hipokrasi ini dinyatakan sekali lagi oleh Anwar di Australia. Beliau menegaskan tindakan Russia menyerang Ukraine dikutuk Barat, tetapi isu pencerobohan dan kekejaman Israel membunuh dan merampas hak rakyat Palestin dibenarkan serta disokong lagi dipertahankan.

Apa yang dapat disimpulkan, Anwar terus menggunakan platform serantau dan antarabangsa untuk meneruskan perjuangan mempertahankan hak rakyat Palestin.

Ini membuktikan sejak dahulu, Malaysia tanpa gentar konsisten menyokong perjuangan penduduk Palestin.

Ini disebabkan Malaysia juga mempunyai hak sebagai negara berdaulat dan bebas menyatakan pendirian dalam isu antarabangsa. Saranan disuarakan Anwar perlu menjadi pemangkin kepada masyarakat dunia supaya berperanan lebih aktif dan konstruktif bagi mencari penyelesaian segera di Palestin.

Konflik dan perang tercetus sejak 7 Oktober 2023 sudah mengorbankan lebih 30,000 nyawa, termasuk 12,000 kanak-kanak. Kekejaman rejim Israel ke atas Palestin termasuk pengeboman kediaman penduduk, sekolah dan hospital awam mesti dihentikan. Ia menuntut solidariti seluruh rakyat tanpa mengira agama, kaum dan bangsa.